

# Laporan Persidangan/*Report on Conferences*

## Seminar Pendidikan Kanak-Kanak Cacat Pendengaran Suatu Laporan

oleh  
B. Krishnan\*

Satu seminar anjuran Persatuan Kebangsaan Orang-Orang Pekak telah diadakan di Dewan British Council pada 23hb Julai 1983. Seminar sehari itu dihadiri oleh lebih kurang 300 orang peserta terdiri dari guru-guru pendidikan khas, pekerja sukarela dan ibu bapa kanak-kanak yang cacat pendengaran. Usul-usul yang diperbincangkan termasuk aspek-aspek penting dalam pendidikan kanak-kanak cacat pendengaran yang mana harus diberikan perhatian serta usaha-usaha bagi meninggikan lagi mutu pendidikan khas di negara kita.

Kertaskerja tunggal yang dibentangkan oleh Encik Mohd. Hashim bin Omar, Penolong Pengarah Pelajaran Khas, Kementerian Pelajaran bertajuk, 'Pendidikan Kanak-Kanak Cacat Pendengaran di Malaysia Barat' telah membincangkan sejarah perkembangan pendidikan khas bagi kanak-kanak cacat pendengaran di Malaysia, perkhidmatan prasekolah, keperluan kurikulum, masalah yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa dan pencapaian akademik murid-murid pekak. Encik Hashim yang mewakili Kementerian Pelajaran menyeru kepada ibu bapa supaya membawa anak-anak mereka berjumpa doktor jika anak-anak mereka itu disyaki menghadapi masalah pendengaran. Tinda-

kan awal ini amat penting supaya rawatan pemulihan dan juga pendidikan khas bagi mereka dapat dirancang secara lebih teratur.

Seminar tersebut berakhir dengan beberapa cadangan dari para hadirin demi meninggikan lagi mutu pendidikan khas. Antaranya ialah syor supaya menambahkan lagi bilangan tempat bagi kanak-kanak cacat pendengaran di sekolah-sekolah biasa, memberi peluang kepada murid-murid cacat pendengaran memasuki sekolah-sekolah vokesyenal, menambahkan bilangan guru-guru pendidikan khas dan menubuhkan Pusat Penyediaan bagi Pekerjaan (Work Preparation Centre) di beberapa negeri untuk memberi latihan bekerja kepada orang dewasa yang pekak, dengan tujuan menyediakan mereka untuk memasuki lapangan pekerjaan kelak.

Oleh kerana pendidikan orang-orang cacat pendengaran memerlukan penggunaan alat-alat teknikal yang mahal dan sofistikated, syor untuk menubuhkan suatu pusat sumber pengajaran dan pembelajaran juga telah dicadangkan.

Kertaskerja ini boleh didapati di Bahagian Koleksi Kebangsaan.

---

\*Pegawai Perpustakaan, Bahagian Katalog